Enche' V. Veerappen: Sir, on a point of clarification. I did not say that the missionary bodies should build their schools on Government land. I said the Government builds its schools on Government land itself.

Dr. Lim Swee Aun: Then there is no sense in your clarification. Government naturally builds its schools on Government land (*Laughter*).

Mr. Speaker (To Dr. Lim Swee Aun): Please direct your remarks to me.

Dr. Lim Swee Aun: Mr. Chairman, Sir, then there is no sense in that clarification. Government naturally builds its schools on Government land; Government does not build its schools on private land. But the point he raised just now was that all missionary schools or non-Government schools should build on State land or Government land so that in future if the Government intends to nationalise or take over these schools as a lot, it would be easier. Now, this is a very important issue and I hope the Honourable Minister would make it very clear what the Alliance stand is on these two issues. I hope, and I think, all Honourable Members are aware that non-Government schools,

whether they be missionary, Chinese or Indian schools, if they receive any building grants from the Government, receive only a small proportion of the total cost of the building itself, and the balance of the money comes mostly from donations by the public. To quote one example: the Science Block in the Treacher Methodist Girls' School, Taiping, cost about \$80,000 and Government's contribution was less than 10 per cent. I am not here to defend the Mission schools or non-Mission schools, but I am here to say that these schools have done a very great service to the country. In Taiping, for example, we have only one Government school, and that is the King Edward VII School, serving only the boys, and 65 per cent of its enrolment are Malays. But the other three English-medium schools are: The Treacher Methodist Girls' School, where 35 per cent and more of its enrolment are Malay girls; the St. George's Institution; and the Convent Girls' School. Now, if these three Mission Schools were not there, it would mean that Government would have to find all the money necessary to build the extra schools to take over these children. Therefore, these Mission Schools have, through partial Government assistance and the greater part from public donations, relieved Government's burden in finding the floor space.

In these years, Sir, these Mission Schools or non-Mission Schools, including the Chinese Schools, have expanded at a much greater rate than Government Schools—I am now referring to sub-head 52, Head 122, Education, Secondary Schools, 1960 programme. I hope the Honourable Minister will not forget that in this programme there is \$4,291,365 to be spent and that King Edward VII School will have a share in this amount of money. Before the introduction of this new Education Ordinance, King Edward VII School was housed in its main building, which was built round about the beginning of this century at Station Road, with a small playing field; and its Primary School was separated

from the main school at Museum Road. But since the introduction of this Education Ordinance, when the State Government took over the Primary School of King Edward VII, it has taken over the main building whilst the Secondary School of King Edward VII has gone over to the old Primary School building. The Primary School has two sessions—the morning school and the afternoon school; and also on the same site as the present Primary School is the Day Training Centre for Teachers. That means, in the same area or approximately the same area, there are three schools—the morning and the afternoon Primary Schools and the Day Training Centre. All three of these schools are using one playing field, whereas the Secondary School of King Edward VII which has gone over to the old Primary School building has no playing field, and it is inadequate in its classrooms. I understand that there had been a project some 10 years ago to rehabilitate or reconstruct the Primary School so as to give adequate facilities for the schoolchildren, and I do hope that the Honourable Minister will go into this question of improving the conditions in the King Edward VII School at Taiping.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan sadikit sahaja perkara di-dalam perbahathan yang ada di-hadapan kita ini ia-itu berkenaan dengan Head 122 sub-head 25 Rural Trade School, Kubang Pasu. Tuan Yang di-Pertua, Rural Trade School yang akan di-buat di-Kubang Pasu itu akan di-beri peluang sama juga kepada penuntut² di-negeri Perlis tetapi Tuan Yang di-Pertua, nampak sangat jauh jika penuntut² itu datang dari pada Perlis masok dalam Rural Trade School ini. Saya maseh teringat, Tuan Yang di-Pertua, mula² lagi saya dapat tahu bahawa Rural Trade School yang akan di-dirikan itu bersempadan dengan negeri Perlis dan Perak ia-itu di-Kohlian tetapi ta' tahu macham mana tiba² hilang Kohlian timbul pula tempat lain ia-itu di-buat dalam kawasan Lenggong dalam negeri Perak. Jadi sedang bukit di-timbun lagi dan

ini saya rasa tidak 'adil (*Ketawa*). Jadi, saya harap kapada Menteri yang berkenaan memikirkan agar dapat di-dirikan di-Kohlian ia-itu sempadan Kedah dengan Perlis dan di-sini tentu-lah akan memberi kemudahan kepada penuntut² daripada Perlis dan di-harap akan bertambah ramai lagi.

Enche' Harun bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan sekolah² rendah. Dalam masa Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Pelajaran dahulu, sekolah² rendah ini di-beri nama "Sekolah Umum" dan sa-telah Yang Berhormat itu menukarkan jawatan-nya maka di-gantikan pula oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang lain ia-itu Enche' Abdul Aziz dan di-ubah dengan nama "Sekolah Kebangsaan".

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Di-tukar sahaja.

Enche' Harun bin Abdullah: Sa-telah di-tukarkan jawatan, jadi sampai pada hari ini saya lihat sekolah² sekarang memakai dua nama pula, ada sa-te-ngah-nya menggunakan Sekolah Umum dan sa-tengah-nya menggunakan Sekolah Kebangsaan. Orang² kampung selalu berkata yang mana Sekolah Umum itu Sekolah Tun Razak dan Sekolah Kebangsaan itu Sekolah Enche' Abdul Aziz. Jadi perkara ini harap-lah mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan (*Ketawa*).

Yang kedua-nya, saya suka hendak berchakap pendek sahaja ia-itu tapak² sekolah. Lazim-nya Lembaga Pelajaran negeri ini waktu mereka hendak mengadakan sa-buah sekolah baharu untuk menambahkan sekolah² chawangan umpama-nya mereka selalu, jika ada orang² kampung meminta mengadakan sekolah, mereka pula buat satu sharat kapada orang kampung itu umpama: "kamu sekalian boleh mengadakan tapak, maka baharu-lah Kerajaan hendak membuat sekolah". Dalam soal ini saya suka hendak ber-chakap sadikit tentang kesusahan orang² kampung itu mendapatkan tanah dan wang peruntukan yang berikan itu. Jadi, saya rasa dalam perubahan yang ada dalam Anggaran Perbelanjaan ini saya harap jangan-lah di-jadikan satu

sharat kapada orang² kampong sakiranya Kerajaan bersetuju mengadakan sa-buah sekolah, Kerajaan beli-lah sahaja di-mana tanah yang Kerajaan bersetuju. Pada masa yang lalu saya nampak sa-tengah²-nya langsung tidak bertambah mengadakan sekolah oleh sebab ke-kurangan tapak dan sa-tengah-nya menjadi beban kapada orang kampong untuk mendapatkan tapak tersebut.

Yang ketiga-nya, saya suka mendapat keterangan daripada Kementerian ini ia-itu ada-kah peruntukan yang ada di-dalam kira² ini ia-itu hendak mendirikan sekolah² rendah yang terchait di-dalam Buku Merah. Jadi, saya suka mendapat keterangan ada-kah peruntukan yang ada ini akan di-dapati juga kapada peruntukan dalam Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ini.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap berkenaan dengan Hostel Klang seperti yang disebutkan dalam Sub-head 24. Sebabnya saya berchakap Hostel Klang itu ia-laah saya tidak dapat di-mana tempat yang sa-benar-nya yang hendak saya tujukan. Pada fikiran saya Hostel di-Klang itu, kebanyakannya tentu-lah murid² Melayu. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pe-lajaran ada-kah Kementerian Pelajaran mengadakan sa-orang guru ugama untuk mengajar murid² di-situ? Sebab saya mendapat tahu dengan sa-benarnya, murid² Melayu yang duduk Hostel di-Krian apabila saya bertanya ada-kah Kerajaan memberi guru ugama di-Hostel itu? Jawab-nya, tidak ada. Dengan sebab itu saya suka Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi sadikit keterangan atas perkara ini, jikalau sa-kira-nya di-Hostel² itu tidak ada guru ugama, apa-kah ranchangan yang akan di-buat oleh Kementerian Pelajaran berkenaan dengan hal yang tersebut?

Kita semua mengetahuï mengikut keputusan Ahli Jawatan-Kuasa Pe-lajaran Penyata Rahman baharu² ini ada mengatakan ia-itu tiap² sekolah sa-kira-nya ada 15 orang murid Islam . . .

Mr. Speaker: Perkara itu tidak ada kena-mengena.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, jika saya tidak boleh menerangkan perkara itu, saya harap mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di atas perkara² yang saya sebutkan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Rural Trade School. Ketika membahathkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian saya telah ber-chakap tentang hal ini, ia-itu Rural Trade School, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, sekarang ini tidak lagi mengajar pelajaran bertukang kayu yang di-tetapkan oleh Kementerian Pelajaran yang mana pelajaran itu akan memberi faedah kapada murid² di-sana, tetapi sekarang ini sekolah itu mengajar pe-lajaran baharu ia-itu mengajar murid² itu memelihara lembu. Saya fikir pe-lajaran yang di-ajar itu bukanlah tugas atau polisi daripada Kementerian Pe-lajaran, tambahan pula perkara me-melihara lembu mereka itu tidak-lah berhajat, kerana mereka kebanyakannya memelihara lembu sudah zaman berzaman.

Oleh kerana pelajaran pertukangan ini sangat mustahak untuk murid² itu bagi mata pencharian mereka, saya minta Kementerian Pelajaran mengada-kan sa-mula pelajaran pertukangan itu. Sa-lain daripada itu saya menchadang-kan supaya pelajaran pertukangan yang memberi faedah kapada murid² yang di-kampung di-tambah lagi saperti membuat perkakas daripada buloh dan rotan, jikalau pelajaran ini di-tambah dapat-lah murid² itu belajar pelajaran yang akan memberi faedah yang besar untuk menchari kehidupan-nya pada masa yang akan datang.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Secondary School Programme. Saya menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Penang Utara sa-bagaimana yang di-terangkan-nya tadi. Dan saya hendak menambah sadikit, sa-sunggoh-nya sekolah² Christian Missionary ada-lah sekolah² yang mempunyaï wang yang banyak, kerana sekolah² ini di-sokong oleh pertubuhan Christian Missionary yang bertaboran di-serata dunia saperti Amerika,

England dan lain² lagi. Sa-lain daripada itu, sekolah itu dapat pula pertolongan wang daripada Kerajaan kita. Saya menchadangkan wang yang di-beri kepada Christian Missionary itu ada baiknya kalau Kerajaan mendirikan sekolah teknikal untuk anak² negeri ini supaya dapat pelajaran yang berguna bagi kehidupan-nya di-masa yang akan datang.

Saperti yang saya lihat ada-lah Christian Missionary itu dari sa-hari ka-sahari bertambah kuat, dan sa-bagaimana yang kita telah dengar dan lihat sendiri ia-itu siaran² yang telah ditaborkan di-sekolah² itu ia-lah dengan anjoran mereka itu. Kalau kita menolong lagi, maka pergerakan mereka itu akan bertambah hebat

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Standing Orders 36 (1). Ada-kah perkara itu bersangkut-paut dengan perkara yang di-bahathkan ini?

Mr. Speaker: Perkara penyibaran ini—dudok (*kapada Tuan Haji Ahmad*) menyibarkan ugama itu tidak berthabit dengan peruntukan ini. Saya minta masalah ini jangan-lah di-panjangkan, tetapi kalau hendak mengeshorkan, saya benarkan, dengan sharat pendek.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya tidak akan memanjangkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma menchadangkan ia-itu wang jangan-lah di-beri kapada sekolah² itu, dan gunakan-lah wang yang beratus² ribu ringgit itu untuk memberi pelajaran teknik yang berfaedah kapada anak² negeri ini.

Enche' Chan Siang Sun (Bentong): Mr. Speaker, Sir, I refer to Head 122, Sub-head 71, Secondary Schools Programme, \$1 million. Sir, I hope this amount allocated will include the building of a new secondary school to replace the present one in Bentong. I also propose that this new school will provide for the teaching of English and Malay medium as well. My reasons are as follows. The present Suleiman Secondary School is very old and very congested, and there is only a very small playground.

Also as regards the same school, in respect of teaching in the medium of

Malay, so far we have no Malay secondary school in Pahang, and I am sure the school of this nature will benefit a lot of Malay students in the State of Pahang.

As regards to the administration and solving the problem of the shortage of teachers in this type of school, I suggest that those teachers who teach in the English secondary school would be able to help, especially those who have already qualified in the National Language would be able to help, to teach in the Malay medium school as well.

Regarding the school site, I understand that the State Government has already earmarked a place for such a school.

Therefore, I sincerely hope that the Minister will carry out this project and, for this act, I am sure and certain that the children as well as their parents in Bentong and also those in the State of Pahang will be very grateful.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit sahaja ia-itu di-sub-head 47—Sekolah Umum Perempuan, Tangkak, Johore. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini tetapi saya hendak menarek perhatian kapada Yang Berhormat itu bahawa menurut apa yang saya tahu, peruntukan Sekolah Umum Perempuan Tangkak ini di-belanjakan kurang daripada belanja yang di-untukan. Di-harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menyatakan sebab²nya. Dalam hal Sekolah Umum Perempuan ini juga selalu lambat di-hantarkan bangku² sa-hinggakan di-satu masa dahulu sampai dua bulan baru sampai. Saya harap Kementerian Pelajaran mengambil berat supaya tidak terjadi lagi sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr. Speaker, Sir, I wish to touch very briefly on Head 122, Sub-head 52, Secondary Schools—1960 programme. In this connection, Sir, I would like to touch very briefly on missionary schools. I would like to support the Honourable Member from Larut Selatan when he said that these

schools have served a very useful purpose. I would like to emphasise one thing, Sir, that besides teaching the usual subjects, these schools have placed great importance on the training of moral character, and I think their influence has been very much to the good.

Talking about religion, Sir, these schools do impart religious instruction to the members of their own religious denominations, but no interference is placed in the religious practices or beliefs of students who differ or have religions of their own. I am speaking this from personal experience as I was educated in a Catholic School, and I think it has done good to every one of the students. As such, Sir, I feel that they are doing a very good service and it deserves our support.

Wan Sulaiman bin Wan Tam (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di atas perkara Sub-head 50 muka 14—New Primary Schools, peruntukan-nya \$1,351,697. Wang sa-banyak itu, saya faham, ia-lah untuk membina sekolah² rendah. Saya menarek perhatian Menteri Pelajaran di atas perkara sekolah² yang di-dalam kawasan saya kebanyakannya tidak ada jalan yang sempurna masok ka-sekolah² itu.

Mr. Speaker: Itu tidak kena-mengena. Sub-head berapa?

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Sub-head 50.

Mr. Speaker: Proceed!

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Jadi, sekolah² yang saya sebutkan itu sunggoh pun ada jalan tetapi tidak berbatu. Manakala musim hujan jalan² itu jadi berlubang². Maka sekolah yang ada jawatan-kuasa-nya yang mampu, dapat-lah di-perelokkan jalan² itu. Saya memohon kapada Kementerian yang bersangkutan, apabila hendak bina sekolah² baharu di-kampong² biar-lah sekolah itu ada jalan masok-nya yang berbatu supaya pada musim hujan kasut dan pakaian murid² itu tidak kotor dengan selut.

Sitting suspended at 11.40 a.m.

Sitting resumed at 12.05 p.m.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

House immediately resolves itself into Committee.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

Enche' Ahmad bin Yusof (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarek perhatian Menteri yang berkenaan tentang New Primary Schools yang di-sebutkan dalam Sub-head 50. Dalam kawasan saya Pejabat Pelajaran negeri Perak telah mengistiharkan pada bulan October hendak membuat 4 sekolah yang mengandungi 4 darjah, tetapi pada bulan November ada pula yang mengatakan Kerajaan tidak dapat membuat 4 sekolah chuma 3 sekolah. Dalam bulan December ini saya mendapat tahu hanya 1 sekolah yang dapat di-buat di-antara 3 sekolah itu, yang dua lagi itu tidak dapat di-buat. Kemudian saya bertanya kepada Pejabat Pelajaran sebab-nya sekolah itu tidak dapat di-buat. Jawab-nya, sekolah yang dua itu hendak di-buat juga, tetapi lambat kerana pelan sekolah itu belum sampai lagi. Saya tidak puas hati, kemudian saya mengutus sa-buah jawatan-kuasa pergi menemui Pejabat Pelajaran negeri Perak. Dalam jawapan-nya kapada perutusan itu Pejabat Pelajaran negeri Perak mengatakan sekolah yang dua itu tidak dapat di-buat pada tahun 1960, sekolah itu akan di-buat dalam tahun 1961.

Jadi apa yang mendukachitakan saya sangat ia-lah berhubung dengan tidak dapat di-buat dalam tahun 1960 ini kerana konon-nya pelan itu hendak di-buat lain ia-itu satu standard pelan yang sa-rupa atau sa-jenis. Pada hal sa-belum sekolah itu hendak di-buat tentu-lah pegawai² yang berkenaan tahu bagaimana kedudukan tempat itu sama ada menasabah atau tidak pelan itu di-buat pada tempat yang tersebut. Sa-patut-nya standard pelan hendak-lah di-buat beberapa bentuk yang menasabah pada tempat-nya, sa-kira-nya tempat itu tinggi tidak payah di-pakai tiang, tetapi kalau tempat itu dalam bendang terpaksa mempunyai tiang.

Saya takut dan dukachita dua buah sekolah yang hendak di-buat dalam tahun 1961 itu harus tidak dapat

di-buat. Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana biasa perbahathan atas perkara Kementerian Pelajaran selalu berlanjutan. Ini saya agak ada-lah satu alamat yang baik, kerana Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan pelajaran, sebab Ahli² Yang Berhormat ada mempunyaï tanggongan masing² dalam hal pelajaran.

Dalam perbahathan ini ada dua perkara yang saya rasa patut saya memberi penjelasan terlebih dahulu sabelum saya menjawab tiap² satu perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Yang pertama, saya ingin menjelaskan sa-kali lagi bahawa Anggaran Perbelanjaan ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama ia-lah peruntukan untuk menyiapkan ranchangan² yang sudah pun di-luluskan oleh Dewan ini pada tahun yang lalu. Dan dengan sebab itu saya rasa tidak mustahak kita binchangkan dengan lebuh lanjut lagi tiap² satu perkara yang ada dalam Sub-head 4 hingga 62. Bahagian yang kedua ia-lah ranchangan² yang baru, dan banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat telah mengatakan bahawa peruntukan, mithal-nya, \$1 juta untuk Post Primary Schools dan sa-bagai-nya tidak chukup. Ini memang benar, Tuan Yang di-Pertua, kerana sa-bagaimana yang telah saya katakan dalam uchapan saya pada mula² tadi, peruntukan lebuh sadikit daripada \$8 juta bagi ranchangan baru ini ia-lah untuk perbelanjaan permulaan (a certain work). Jika Ahli² Yang Berhormat tidak mengerti barangkali dalam bahasa Melayu biarlah saya bachakan apa yang telah saya chakapkan dalam bahasa Inggeris.

"That total amount provided for these new projects is \$8,036,106. This sum is not meant to cover the total cost of the new projects but only for the cost of preparation work."

Jadi, itu-lah dua perkara yang patut mendapat perhatian daripada Ahli² Yang Berhormat Dewan ini di-dalam membinchangkan perkara ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak terangkan sa-chara umum ia-lah berkenaan dengan dasar Kerajaan dengan sekolah² yang di-katakan oleh sa-tengah² Ahli Yang Berhormat tadi Missionary Schools. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, dasar berkenaan dengan sekolah² ini telah ada dan dasar itu telah di-luluskan oleh Dewan ini pada masa Dewan ini meluluskan Penyata Razak yang di-buat dalam tahun 1956 dan juga Penyata Penyemak Sa-mula yang di-buat dalam tahun 1960. Jadi, berkenaan dengan sekolah², pada p a n d a g a n Kerajaan tidak ada sekolah²—Missionary Schools hanya yang ada sekolah² kita yang di-bagikan kapada tiga kumpulan. Satu, kumpulan sekolah² yang mendapat b a n t u a n penoh—fully assisted schools. Yang kedua-nya sekolah² yang mendapat bantuan sa-bahagian ia-itu partially assisted schools. Yang ketiga-nya ia-lah sekolah² bebas atau pun independent schools. Jadi, b e r k e n a a n dengan sekolah² k u m p u l a n yang kedua—partially assisted schools, Dewan ini telah mengambil keputusan d a s a r sekolah² ini ia-itu partially assisted schools boleh-lah berjalan terus. Dan bahagian² Primary Schools—Sekolah² Rendah itu ia-lah mengikut timbangan Kementerian Pelajaran. Dan berkenaan dengan sekolah² partially assisted schools bahagian menengah-nya maka Dewan ini telah mengambil keputusan, bantuan yang sa-bahagian ini hanya-lah akan di-teruskan sa-hingga kapada akhir tahun 1961.

Jadi, sekolah² yang mendapat bantuan penoh ia-lah sekolah² yang telah memenohi dasar² yang di-tentukan oleh Parlimen dan juga Peratoran² atau pun Undang² yang di-buat oleh Dewan ini. Jadi, sa-sabuah sekolah yang memenohi segala ka-hendak² Undang² dan memenohi dasar² yang telah di-tetapkan oleh Dewan ini, itu-lah yang di-namakan sekolah² yang mendapat bantuan penoh. Dan di-dalam hal bantuan capital expenditure sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Taiping, pada masa sekarang kita sangat berkehendakkan banyak lagi bilangan Sekolah² Rendah dan banyak lagi bilangan Sekolah² Menengah. Dan berkenaan dengan itu

saya rasa, ada di-bayangkan dalam uchapan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Jadi, bagi memenohi kehendak² ini, ada dua jalan yang di-buka oleh Kerajaan yang pertama ia-lah Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang chukup bagi mendirikan semua² Sekolah Rendah dan Sekolah² Menengah bagi mencukupi kehendak² di-sini. Maka di-dalam hal ini Kerajaan dapat bahanwa dengan ada-nya tuntutan² yang lain sa-lain dari pada hal² pelajaran ini kita tidak dapat memenohi kehendak² ra'ayat itu dengan sa-penoh-nya. Dengan sebab itu maka Kerajaan memberi pertolongan sa-kadar yang boleh ia-itu bantuan yang di-berikan oleh Kementerian ini bagi badan² yang hendak mendirikan sekolah² untuk memenohi kehendak² persekolahan kita. Jadi, biasa-nya Kerajaan tidak pernah memberi bantuan sa-penoh-nya kapada satu² badan untuk mendirikan sekolah² yang baharu atau menambah kapada bilangan darjah² bagi sekolah² yang ada itu. Jadi, dalam hal ini kita dapat bahanwa dengan capital expenditure yang sadikit di-keluarkan itu atau sa-bagai yang di-keluarkan oleh Kerajaan, kita dapat hasil yang boleh memenohkan kehendak² persekolahan bagi satu² tempat dengan pertolongan dari badan² ini. Hal ini atau dasar ini telah pun disersetujukan di-dalam Dewan ini apabila Dewan ini meluluskan pada dasar-nya Penyata yang telah di-buat di-dalam tahun 1960 dahulu dan juga Penyata Razak yang di-buat pada tahun 1956. Jadi, apa yang di-chadangkan oleh Kerajaan pada masa sekarang ia-lah dasar yang telah di-luluskan oleh Dewan ini sendiri. Berkenaan dengan bantuan kapada sekolah² yang mendapat bantuan penoh ia-itu sekolah² yang saya katakan memenohi segala sharat² yang di-kehendaki oleh Undang² negeri ini berkenaan dengan persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas dari pada itu, saya rasa berkewajipan-lah saya menjawab dengan sa-berapa rengkas atas tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa membahathkan perbelanjaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jempol menchadangkan supaya sekolah²—Rural Trade Schools yang sekarang di-namakan Sekolah Lanjutan Kampong di-buat lebeh kecil lagi daripada yang ada pada hari ini supaya banyak dapat di-adakan Rural Trade Schools atau Sekolah² Lanjutan Kampong ini. Jadi, dalam hal ini saya suka-lah menerangkan bahanwa pada pendapat saya jika di-banyakkan bilangan sekolah² ini maka perbelanjaan tahunan bagi menjalankan sekolah² ini akan bertambah kerana sa-lain daripada yang saya katakan perbelanjaan capital expenditure yang di-kehendaki, banyak perbelanjaan tahunan ini pun akan bertambah juga kerana guru²-nya terpaksa di-banyakkan bilangan-nya. Jadi, perkara ini tidak dapat-lah hendak di-buat tetapi di-dalam Ran-changan Lima Tahun Yang Kedua akan datang bilangan Sekolah² Lanjutan Kampong akan di-tambah banyak lagi tetapi besar-nya sama-lah saperti yang ada pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok bertanya atas dua perkara. Yang pertama berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang sa-benar-nya, peruntukan bagi Dewan Bahasa ini ia-lah untuk menyiapkan ibu-pejabat Dewan Bahasa yang sedang di-bena pada masa sekarang, dan ada-lah di-harapkan bahanwa pejabat itu akan siap yang akan dapat di-buka pada 31 August, 1961 kelak. Berkenaan dengan hostel di-Cairo sa-banyak \$530,000 itu ia-lah "preliminary expenses" kerana Kementerian saya dan Kementerian Kewangan belum dapat menentukan lagi berapakah harga bagi membina hostel di-Cairo itu yang sa-benar-nya, sebab hal ini sedang di-uruskan oleh bahagian architect Kementerian Pelajaran dan beberapa architect di-Cairo. Jadi peruntukan ini ia-lah permulaan, kerana di-agakkan bahanwa kita berkehendakkan lagi wang tambahan bagi menyiapkan hostel itu tidak berapa lama lagi, dan tidak-lah sa-bagaimana yang di-agakkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi belanja membina hostel itu akan memakan berjuta ringgit. Saya agak perbelanjaan bagi membina hostel itu tidak sampai pada anggaran juta itu tetapi lebeh sadikit daripada

\$530,000 yang di-untokkan dalam anggaran ini. Dan usaha membena-nya itu yang di-tanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok sedang di-uruskan dengan giat-nya. Pada masa saya singgah di-Mesir, saya telah berjumpa dengan architect yang membuat pembinaan plan bagi hostel itu, dan saya mendapat tahu plan yang di-buat itu telah sampai kapada Kementerian untuk di-timbangkan. Jadi tidak-lah lagi akan memakan masa bertahun² seperti yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Saya rasa penuntut di-sana mengakuⁱ apa yang saya sendiri saksikan pada masa saya berada di-Cairo, mereka sangat puas hati atas usaha² Kerajaan bagi memenuhi hasrat mereka yang telah terpendam sa-lama 30 tahun itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga ada membangkitkan perkara Post Primary Schools, ia mengatakan pelajaran vocational patut-lah di-masukkan. Perkara ini memang telah di-persetujuⁱ dalam dasar pada masa saya membentangkan Penyata Jawatan-kuasa dalam tahun 1960 dahulu ia-itu pelajaran vocational akan di-masukkan sa-bagai satu mata pelajaran dalam Post Primary School. Berkenaan dengan Sub-head 66 ia mengatakan peruntukan itu tidak chukup. Ini memang benar, sa-bagaimana yang telah saya katakan, ini adalah peruntukan permulaan sahaja bagi persediaan masa yang akan datang. Pertanyaan beliau berkenaan dengan peruntukan Sekolah Ra'ayat, peruntukan ini di-adakan ia-lah hendak menjadikan Sekolah Ra'ayat yang telah di-daftar kepada Kementerian supaya dapat di-baiki dan dapat di-jadikan Sekolah Kebangsaan tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan yang bertanya apa sebab-nya programme pembinaan Post Primary School dalam tahun 1960, tidak dapat di-siapkan. Perkara ini banyak sebab-nya. Yang pertama, sa-bagaimana yang saya katakan sekolah² ini tidak dapat di-bina di atas awang²an atau pun di-bina di atas ayer. Ia berkehendakkan tapak, dan biasa-nya urusan mendapatkan tapak baharu memakan masa yang lanjut, itu-lah sebab-nya programme itu tidak dapat di-jalankan. Jadi dengan

sebab itu pada tahun hadapan kita minta wang peruntukan ini lebih dahulu bagi belanja permulaan, sa-bagaimana yang saya telah terangkan supaya dalam masa tiga bulan yang akan datang dapat di-rundingkan berkenaan dengan tapak bagi membina sekolah kita dalam ranchangan tahun 1961.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan juga fasal harga Sekolah Tun Fatimah, sekolah ini bukan-lah sekolah biasa, tetapi ia-lah Residential School saperti residential school yang lain² itu. Jadi tujuan di-adakan ini ia-lah bagi memberi peluang kapada anak² perempuan kita daripada sekolah kebangsaan yang di-kampung yang baik dan cergas supaya mereka itu di-hantar ka-Sekolah Tun Fatimah. Oleh kerana murid² itu datang dari sa-genap tempat Tanah Melayu ini terpaksa-lah di-adakan hostel (asrama), dan sa-lain daripada itu, apabila di-adakan hostel tentu-lah persiapan yang lain untuk sa-buah hostel itu hendak juga di-adakan peruntukan-nya. Itu-lah sebab-nya Sekolah Tun Fatimah dengan asrama-nya memakan belanja \$2 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut bertanya berkenaan dengan guru ugama di-hostel Klang. Yang sa-benarnya hostel di-Klang itu belum di-bina lagi, ia akan di-bina apabila tapak di-dapati. Jadi berkenaan dengan guru ugama pada masa sekarang ini memang ada di-satengah² hostel itu. Tetapi apabila kita menjalankan ranchangan kita untuk memberi pelajaran ugama di-sabelah pagi kapada murid² yang duduk di-sekolah, maka saya rasa tidak mustahak lagi kita mengadakan guru ugama mengajar murid² itu di-hostel, kerana pelajaran ugama akan di-adakan di-sabelah pagi. Pada masa sekarang di-satengah² hostel itu ada guru ugama, sebab sekolah di-sabelah pagi di-adakan pelajaran ugama. Tetapi jika sa-kira-nya Kerajaan² negeri hendak mengadakan guru² ugama, saya akan menguchapkan terima kaseh-lah.

Wakil daripada Taiping ada meminta supaya sub-head 52 Secondary Schools tahun ini sa-bahagian daripada-nya di-untokkan kapada King Edward VII School. Saya dukachita-lah tidak dapat memberi akuan kerana sub-head 52 ini

ada-lah programme tahun 1960. Saya tidak tahu King Edward VII School masok dalam programme ini. Tetapi saya akan memberi akuan yang saya akan memberi timbangan kalau ada permintaan daripada King Edward VII School untuk membaki keadaan² sekolah itu pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat wakil Muar Utara ada bertanya, apa-kah sebabnya perbelanjaan mendirikan Sekolah Melayu Tangkak kurang daripada peruntokannya dan berapa-kah kurang-nya. Saya dukachita-lah tidak dapat menjawab dengan serta merta kerana saya terpaksa menyiasat-nya terlebeh dahulu.

Wakil daripada Kota Bharu Hilir barangkali yang di-bangkitkan-nya ia-lah sub-head 25 berkenaan dengan Rural Trade Schools sekarang ini diajar memelihara lembu dan sa-bagaimana. Saya suka-lah hendak menjelaskan bahawa semenjak Rural Trade School ini di-jadikan Sekolah Lanjutan Kampong maka mata² pelajaran yang telah di-beri itu telah di-ubah sesuai dengan apa yang telah di-persetujukan pula dengan hendak memberatkan vocational training kepada murid² di-kampong ia-itu latehan² yang boleh di-gunakan oleh mereka apabila mereka balek ka-kampong masing² sa-telah tamat pelajaran-nya itu. Saya rasa, memelihara lembu ada-lah satu perkara yang mustahak bagi di-masukkan mata pelajaran bukan sahaja memelihara lembu tetapi hendak menggunakan binatang² itu bagi faedah dan kebajikan kapada orang² yang memelihara itu.

Tuan Yang di-Pertua, agak saya sa-takat itu-lah perkara² yang patut saya jawab kerana sa-bagaimana saya katakan pada permulaan tadi bahawa ranchangan² ini sa-tengah-nya ada-lah ranchangan lanjutan untuk menyiapkan ranchangan yang sudah di-luluskan dan yang kedua-nya ranchangan perbelanjaan permulaan bagi ranchangan² baru yang di-kehendaki sa-belum Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua kita di-luluskan oleh Dewan ini. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$26,576,537 for Head 122 agreed to stand part of the provisional Development Estimates, 1961.

Heads 123 and 124—

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Mr. Chairman, Sir, with your kind permission I propose to take the two Heads—123 and 124—together and seek approval for a total of \$12,217,130. Sir, with the exception of four new sub-heads, Nos. 214 to 217, under Head 123, totalling \$1.3 million, all are continuation projects. In regard to the new projects, the interim provision is to enable a start to be made in the building of hostels and training schools and dormitories for midwives, for the training of additional nurses, assistant nurses, hospital assistants and midwives. The total estimated cost of these four projects is \$7.4 million, the balance of \$6.1 million will be included in the Second Five-Year Development Plan. The provision of these additional training facilities is a matter of great urgency and every effort is being made to complete these buildings and recruit the trainees as quickly as possible. A greatly increased number of nurses, assistant nurses, hospital assistants and midwives is urgently needed to provide the staff for the new Rural Health Units which will be built throughout the country, and also to augment the present rather inadequate staffing position in our existing hospitals.

Sir, there is a small misprint in sub-head 189, under Head 123, on page 19. The two words "Training" appearing in this sub-head should be deleted. It should be Rural Health Centre, not Training Centre.

Sir, I beg to move.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, I want to speak on Heads 212 and 213, but I will speak on Head 213 first.

Sir, I wish to bring to the attention of the Honourable Minister that a few days ago, on or around the 17th of this month, a certain woman, one Mrs. Rajagopal of Seaport Estate, was brought to the Maternity Hospital, Kuala Lumpur, to deliver her child. When she arrived, Mr. Speaker, Sir, the child was still alive in her womb, but a few days later it was discovered that the child had died.

Mr. Speaker: That is entirely irrelevant. We are now discussing the Development Estimates; we are not discussing the development of men or women. (*Laughter*).

Enche' K. Karam Singh: So, Mr. Speaker, Sir, close examination and prompt action by the maternity officers would have saved the life of the child. Sir, these people are mostly workers and they come to the General Hospital, Kuala Lumpur, for

Mr. Speaker: Again I must warn you that we are now discussing the improvements and developments to the building, not what is happening in that hospital. If you continue with that I must stop you.

Enche' K. Karam Singh: I will come to the building now, Sir. Mr. Speaker, Sir, we find that the people who come to the hospital are people of the poorer class and the conditions at the moment are quite unsatisfactory in the Maternity Hospital, Kuala Lumpur. We request that adequate improvements and adequate expansion take place in the Maternity Hospital, Kuala Lumpur, so that our future citizens, who are born in this Hospital, can remember this place with pride; and our women, when they leave this Hospital, can look forward to the time when they will come again. (*Laughter*).

Mr. Speaker, Sir, we hope that the Government realises that this is a very important national institution and that it will get the care it deserves.

Mr. Speaker, Sir, now I would speak on sub-head 212, Improvements to General Hospital, Kuala Lumpur; we find that a sum of \$413,000 has been devoted to the improvements. We find the General Hospital in a most unsatisfactory condition, and if we were to compare it with some of the houses in which some of our Ministers and higher officials live, there is almost the same amount of bed space in one of the wards as there is in some of the houses in which our Ministers stay. But the question is, why should not enough priority be given to our sick and ailing people and immediate attention not given to the expansion of

the hospital? There are always complaints about the General Hospital, but if we look at the Bungsar Hospital, which is patronised by higher officials and the richer class, there are no complaints about that hospital. The bedding space of each bed in Bungsar Hospital occupies about two or three times the space of each bed in the General Hospital. Mr. Speaker, Sir, does this show that the Government is showing more interest in the Bungsar Hospital, which is meant for the higher officials and the rich, and not giving proper attention to the General Hospital? Mr. Speaker, Sir, when we ask that immediate expansion take place in the General Hospital—and we have been asking that for a long time—we find that the Government is rather tardy about the matter. But when we ask for expansion to take place, we are not asking the Ministers to spend their own private money; we are asking—the people are asking—for their own money, for the public revenue of this country, to be spent for their health. And, as such, Mr. Speaker, Sir, we urge that small improvements here and there, small patching-ups here and there to keep the wind away, are not enough, and that a total expansion of the hospital should take place.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, head 123 sub-head 20, dalam perkara ini, saya mengambil peluang menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan, yang telah mengambil berat di atas uchapan pandangan saya yang telah saya uchapkan di-dalam Meshuarat Belanjawan pada 8 December, 1960, menarik perhatian Kerajaan khasnya Menteri Kesihatan, ia itu supaya Kerajaan mengambil satu langkah, kerana telah sampai masanya menguntokkan wang untuk mengadakan gedong membuat ubat sendiri di-Negeri sendiri, dengan tujuan hendak menyelamatkan wang dan sa-bagi persediaan bagi negeri ini. Alhamdulillah uchapan pemandangan saya itu dalam meshuarat Belanjawan kali ini (tahun 1961) telah ada di-untokkan wang Perbelanjaan permulaan s a-b a n y a k \$1,500,000 untuk mendirikan sa-buah

gedong ubat Kerajaan di-Petaling Jaya; ini saya perchaya akan dapat menye-lamatkan wang sa-banyak \$500,000 tiap² tahun.

Enche' Hamzah bin Alang (Kapar): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berhubung dengan Rural Health Sub-Centre saperti yang di-sebutkan dalam sub-head 158. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa dalam peruntukan² ini saya nampak peruntukan kapada kawasan luar bandar terlalu kurang, terutama dalam negeri Selangor ini. Walau pun saya tahu bahawa peruntukan ini sa-bagai menyambong peruntukan² tahun yang lalu, tetapi saya suka-lah mengingatkan Yang Berhormat itu supaya mengambil berat dalam negeri Selangor apabila membuat peruntukan pembangunan tahun yang akan datang. Terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita ketahui yang telah di-laangkan oleh pendudok Kuala Langat berkehendakkan sa-buah Hospital. Saya rasa pendudok di-daerah itu memang sudah patut berkehendakkan sa-buah Hospital. Dan juga dalam ranchangan lima tahun Rural Development di-kawasan saya telah mendapat tempat yang utama tentang Rural Health Sub-Centre ini, tetapi saya harap sangat keutamaan itu tetap akan mendapat tempat keutamaan supaya tidak dapat kepada tempat yang kedua atau yang kedelapan dan sa-bagai-nya.

Kalau kita lihat peruntukan sam-bongan ini di-kawasan luar bandar dalam negeri Selangor ini boleh saya katakan tidak ada.

Barangkali oleh kerana saya tidak pernah menyuarakan dalam Dewan ini, jadi orang tidak mengambil berat. Maka saya berharap sangat dan sa-kali lagi saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada bulan April yang akan datang ini membuat per-untukan yang tertentu kapada negeri Selangor.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head² 30, 55, 131, 134, 195, 196, 204, 212 dan 213. Saya perchaya Menteri Yang Berhormat terkejut, sebab banyak

sangat, tetapi sadikit, saya jumlahkan semua sub-head itu ia-lah \$360,196—semua ini bagi Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang—itu sahaja. Jadi apabila Menteri Yang Berhormat mengatakan ia mengambil berat tentang rural deve-lopment, dukachita benar-lah saya, sebab tiga bandar ini yang mendapat "lion's share" dalam bahagian ini. Kalau kita pergi ka-Taiping, Klang dan Seremban nombor dua grade-nya, kalau kita pergi ka-Tapah dan Kajang lagi banyak kurang-nya. Nasib kawasan luar bandar tentu-lah tidak dapat di-ubat dalam anggaran yang ada ini.

Tetapi saya berharap-lah kapada Menteri Yang Berhormat supaya aleran mengestimatekan perbelanjaan yang sa-macham ini amat-lah mustahak supaya itu di-sengitkan sadikit bagi kawasan² yang kecil di-luar bandar. Kalau kali ini boleh saya menyabarkan-lah diri saya berchakap panjang dalam hal aleran ini, tidak-lah saya akui pada bulan hadapan attitude saya ini akan ta' berubah. Jadi, saya harap Yang Berhormat supaya hal ini di-perhatikan. Zaman meminta Hospital ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah sa-bulun bulan empat ini supaya Bachok itu pun dapat Hospital. Sebab saya tidak sedap hati sangat berchakap se-lalu menyebutkan fasal Bachok. Kali ini saya minta-lah specific Bachok itu patut mendapat Hospital. Kalau tidak di-bagi oleh Menteri ini tetapi kalau-lah saya menjadi Menteri, saya mesti buatkan. Ada pun Menteri kita yang kalau dia berchakap tidak dapat nanti, itu terserah-lah kepada dia.

Enche' Woo Saik Hong (Telok Anson): Mr. Speaker, Sir, touching on Head 123, Sub-head 208, I am glad to say that the Ministry has provided an item on the improvement of the Telok Anson Hospital for \$100,000, which amount does look to be quite ample, but then there are lots of things to be done. First and foremost, the labour lines in the Hospital, which were built ever since time immemorial, are quite out of date, and there have been quite a lot of petitions to the Ministry re-garding this aspect. However, I do not know whether the Ministry has taken this into consideration or not. Anyway, I think these labour lines will need a bit of patching up.

Sir, regarding the maternity ward in the same Hospital, we have got a limited space. When there are maternity cases, some of the female patients have to be discharged in two or three days time. Sometimes, the female patients do come back because their cases are not being well-treated before they leave simply because of the shortage of accommodation. I hope the Ministry concerned will look into this and see that accommodation especially for the maternity cases be given priority, so that the Hospital will receive a better response from the public.

Sir, I would like to mention that no doubt this Hospital is in Telok Anson, but then it also caters for cases as far as Selangor coastal villages and towns. In other words, this Hospital not only caters for Lower Perak but also for parts of Selangor which are very, very near to Telok Anson. At the present moment, there are lots of people who come to patronize the Hospital, especially the out-patients. Well, we do find that there are huge numbers of them—every day at least from 100 to 150—with which the Doctors there could not cope up, even though we now, of course, have an additional Doctor. So, I hope, if there is any opportunity, that Telok Anson will be earmarked for one extra Doctor.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, kami memang-lah tidak puas hati kerana mengikut dalam Estimates ini tidak ada lang-song project² yang di-buat dalam negeri Kelantan. Yang ada pun kalau kita pandang dalam sub-head 147—Improvement and Addition to Kuala Trengganu Hospital sahaja. Ini sangatlah sadikit dan tidak ada langsung perubahan atau tambahan². Sa-patutnya Kerajaan mengadakan Hospital² di-tiap² jajahan, ini tidak ada langsung di-ranchangkan.

Dalam sub-head 150 hanya Attendants' Quarters, Kuala Trengganu bagitu juga sub-head 164—Hospital Assistants Quarters, Gua Musang dan Dabong, Kelantan. Jadi, dalam perkara ini, saya hendak berchakap ia-itu di-sub-head 207—Additions and Alteration to Hospitals, Dispensaries

and Clinics—1960 programme. Maka saya rasa, ini sangat kecil benar bagi pehak kami di-Trengganu dan Kelantan kerana tidak ada peruntukan langsung untuk tambahan Hospital, tambahan Dispensary atau Clinic di-Pantai Timor. Kalau-lah Menteri Yang Berhormat dapat memandang lebih berat sadikit ka-Pantai Timor kerana telah ada saudara² kita di-sini ber-chakap patut di-adakan Clinic dan Dispensary di-jajahan atau pun

Mr. Speaker: Ini akan menghilangkan masa. Sa-masa Menteri berchakap tadi dia sudah katakan daripada sub-head asal sa-hingga sampai-lah sub-head 213 ini ia-lah Estimates yang sudah di-luluskan dahulu, tidak ada yang baharu, yang baharu-nya hanya-lah daripada 214 sampai 217. Ta' tahu-lah saya kalau Yang Berhormat hendak berchakap yang lama, itu saya benarkan supaya Menteri yang berkenaan itu mengambil ingatan. Apabila kita membahath Ranchangan Lima Tahun—ranchangan yang akan datang itu kalau hendak di-masukkan berapa banyak project di-Trengganu atau Kelantan, di-masa itu boleh-lah di-minta kepada Menteri yang berkenaan mengambil ingatan. Jadi tidak hilang masa.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri Yang Berhormat itu dapat mengambil ingatan supaya banyakkan lagi Dispensary dan Clinic di-Pantai Timor.

Dan sub-head 207 ini ia-itu saya harap juga Menteri yang berkenaan memandang di-Pasir Mas ia-itu Dispensary yang ada itu patut-lah di-jadikan Hospital dan di-adakan satu dua ward di-dalam-nya untuk menyenangkan orang kampong yang sakit dapat di-rawat dalam Hospital itu. Pada hari ini memang-lah menjadi kesusahan kepada orang² kampong dan di-jajahan² kerana di-Kelantan hanya Kota Bharu dan Kuala Kerai sahaja ada mempunyaï Hospital. Di-harap Yang Berhormat Menteri mengambil pandangan di atas perkara ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

THE PROVISIONAL DEVELOPMENT ESTIMATES, 1961

House immediately resolved itself into Committee.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$12,217,130 for Heads 123 and 124 stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Question again proposed.

Dato' Ong Yoke Lin: Mr. Chairman, Sir, there have been many requests for more hospitals and other medical and health facilities in the various constituencies. As I have said, Sir, almost all of these projects are continuation projects only and that priorities in the future Development Plan will have to be decided on a national basis and within our resources of money and staff. It is quite impossible to satisfy everyone and every constituency.

Sir, in reply to the Honourable Member for Damansara, who, as usual, cannot resist making political propaganda out of anything that comes his way, I could not understand what he was trying to drive at, when he mentioned the case of a woman who went to the General Hospital, Kuala Lumpur, to deliver a baby—and I do not know on what grounds he is trying to lay the blame on the staff. This sort of vague allegations coming from this Honourable Member is most deplorable. His idea, I believe, is to try to discredit the staff of the Health Ministry which, I think, is very unfair. He, perhaps, is not aware that a new Maternity Hospital is already being built on the present grounds of the General Hospital, Kuala Lumpur, and as I have mentioned it several times in this House there is a lot of temporary improvements which have been made to tide over this difficult period pending the building of a new General Hospital. A lot of improvements have been made to the present General Hospital in Kuala Lumpur; we have provided more than 250 additional beds already.

Further, the Honourable Member went on to suggest that the Government is giving more attention to the Bungsar Hospital, but I hope he will remember that his friend and colleague, the Member for Bungsar, had on a previous occasion criticised the Government for not having done enough for the Bungsar Hospital. In fact, we have done much more for the General Hospital and very little for the Bungsar Hospital. That is the true position.

Question put, and agreed to.

The sum of \$12,217,130 for Heads 123 and 124 agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Head 125—

The Minister of Labour (Enche' Bahaman bin Samsudin): Mr. Chairman, Sir, I beg to move that a provision amounting to \$60,300 under Head 125 be approved. There are only two items for the approval of this House. Sub-head 8 is for the erection of a new Labour Office at Kulim and sub-head 9 is for completing the P.W.D. work on renovation and alteration to Quarters, Choultry, Kuala Lumpur.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong perbelanjaan ini, dan saya mengucapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Buroh, kerana mengadakan Pejabat Buroh di-Kulim.

Question put, and agreed to.

The sum of \$60,300 for Head 125 agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Head 126—

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menchadangkan Head 126 sa-hingga Head 129 bersama². Di-dalam Provisional Development Estimates tahun 1961 yang di-bentangkan dalam Rumah ini di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ia-lah peruntukan wang yang sadikit untuk menyambong kerja²

yang besar yang hendak di-chadangkan di-buat pada awal tahun 1961.

Berkenaan dengan sub-head I. Land Development Authority, saya suka memberi tahu bahawa sekarang ini telah ada 13 ranchangan² tanah dan semua-nya sedang di-jalankan mengikut Jadual-nya. Di-dalam tahun 1961 akan di-buka lagi 12 ranchangan² tanah yang baharu dan perbelanjaan bagi menjalankan kerja² permulaan di-masukkan di-bawah head ini.

Berkenaan dengan sub-head 6 Land Development Schemes wang sa-banyak \$459,940 yang di-masukkan ia-lah untuk bayaran penghabisan kapada grant sa-banyak \$1.6 million yang di-beri kepada F.L.D.A. dalam tahun 1959 untuk melaksanakan Minor Rural Development Schemes atau pun Ranchangan² Kemajuan Tanah Yang Kechil².

Berkenaan dengan sub-head 11 R.I.D.A.—Small Industries Services Institute wang sa-banyak \$35,000 ia-lah untuk menyiapkan Institute ini dan manakala siap akan menjadi sangat berguna untuk memajukan perusahaan² kechil di-kawasan luar bandar.

Berkenaan dengan sub-head 12 Minor Capital Works in Rural Areas wang sa-banyak \$500,000. Wang-nya pada masa yang sudah² di-untokkan kepada R.I.D.A. Sekarang ini oleh sebab banyak kerja² R.I.D.A. berkenaan dengan Capital Works telah di-sanggup oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka peruntukan ini di-pindahkan di-bawah Kementerian ini.

Berkenaan dengan sub-head 15 Group Settlement Schemes (i) Loans to States—Pinjaman Kapada Negeri² sa-banyak \$2,628,000 kapada National Land Council telah bersetuju supaya bantuan² di-berikan untuk membuka tanah oleh Kerajaan negeri di-bawah Land Group Settlement Act dengan sharat wang boleh di-dapat daripada Kerajaan yang telah bersetuju memberi \$49,500 untuk di-beri bantuan kerana membuka tanah ranchangan² tanah dari pada tahun 1961 hingga 1970. Bantuan Kerajaan Persekutuan ini boleh-lah di-bagi kapada dua pechahan. Satu pinjaman untuk bayaran sukat menyukat dan tebang menebang serta

membereskan tanah. Yang kedua pemberian perchuma ia-itu grant untuk memberi anak getah baka yang baik² dan baja untuk kegunaan sa-lama 7 tahun.

Berkenaan dengan sub-head 5—Central Pahang Mineral Clearance Survey sa-banyak \$50,000. Satu kawasan sa-luas 600 batu persegi di-Pahang tengah telah di-pileh oleh Pejabat Sukat—Geological Survey untuk menyiatis-nya di-dalam tahun 1961 tentang layak atau tidak kawasan itu di-buka untuk ranchangan² kemajuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya menchadangkan supaya Head 126 sa-hingga Head 129 di-persetujukan dan di-luluskan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$8,360,440 Heads 126 to 129 agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Heads 130-135—

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Abdul Aziz bin Ishak): Mr. Speaker, Sir, with your permission I would like to move Heads 130 to 135 together.

Honourable Members will note that the total sum for the Department of Agriculture under the Estimates for 1961 is for the continuation of the works which were undertaken last year but which were not completed.

Under Sub-Head 10, which is the largest provision sought for, a part of the provision is for the continuation of the work at the Coconut Experiment Station at Telok Bahru. A large proportion of this provision will be utilised for the development of the Research Station on the East Coast, progress of which had been hampered as a result of the prolonged delay in negotiations with the State Government for an area where the Station is to be established. These negotiations have advanced to a stage where work in the development of the station could be started as early as possible next year.

Similarly, under Sub-Head 12, the construction of buildings at the Federal Experiment Station, Telok Chengai where padi research work is concentrated, was started this year but

was not completed. It is hoped that the project would be finished some time early next year.

Under Sub-Head 13, which is the continuation of the work on the Federal Experiment Station, Serdang and Jalan Kebun, a further sum of \$21,823 is sought for in order to complete the work.

Honourable Members will note that under Sub-Head 11, the construction of a soil survey laboratory has been completed. In this respect, I should also mention that under Sub-Head 18, the canning laboratory has been housed in the same building and both these laboratories were completed in 1960. The completion of the soil survey laboratory will enhance the work in soil investigation which is particularly urgent at present in view of the projects for rural development, particularly those related to land development schemes. However, these laboratories although completed have yet to get complete experimental equipment in order that work could be carried out. The fitting and equipping of the canning laboratory will facilitate investigation of the problem of food technology and food preservation, in particular, of fruits, vegetables, etc., in anticipation of the increased production of local fruits and vegetables as a result of rural development.

CO-OPERATIVE DEVELOPMENT.

A sum of \$195,375 has been included in the provisional Development Estimates for the Department of Co-operative Development for the acquisition of sites and the construction of offices at Ayer Hitam, Temerloh, Pasir Mas, Pendang and Kangar, and quarters at Ayer Hitam, Temerloh, Parit, Pasir Mas and Pendang. Provision has also been included for the acquisition of a site at Malacca.

The need for office/quarters at these places is most urgent and necessary. State Governments have not been able to provide suitable offices/quarters in the potential areas of co-operative development. It has been the practice of the Government

in the past to have offices and quarters sited in the larger towns of the country but it has been observed that, if the rural people are to be served, and served well, by Government officers, particularly those whose work brings them in contact with the rural people, like the officers of the Department of Co-operative Development, then such officers should not only be posted in the rural areas where their services are most required but also be made to stay in such areas. The officers must identify themselves with the people with whom they are going to work with and should actually appreciate and understand the rural problems. It is the policy of the Ministry to have, in future, offices/quarters sited in the actual areas of operation of the officers. It is heartening to note that the officers in my Ministry are happy with this policy and are prepared to live and work among the people.

DRAINAGE AND IRRIGATION DEPARTMENT.

The Provisional Development Estimates, 1961, provide funds for the continuation of work on 24 projects which are in progress and three new urgently required projects. The total provision requested in 1961 for these 27 schemes is \$7,777,585, of which \$6,177,585 is in respect of the 24 continuation projects and \$1,600,000 is in respect of the three new projects.

All this expenditure is for the benefit of the rural population, by creating favourable conditions for increasing production in existing areas, by providing additional facilities for double cropping padi in existing padi areas, by opening up new land for small-holder cultivation and by removing the fear, misery and crop losses caused by flooding.

Of the total estimated expenditure, \$6,822,150 will be granted to States by way of reimbursement of expenditure previously undertaken on projects approved by the Federal Government. The balance covers projects which are more directly controlled by the Federal Government,

e.g. Research, collection of Hydrological data and purchase of heavy earth-moving plant.

VETERINARY SERVICE.

The Federal Poultry Breeding Station, which is now under construction at Johore Bahru, is one of the greatest steps taken by the Ministry in its effort to further increase the protein in the diet of the people in the form of eggs and poultry meat. It has been estimated that the per capita consumption of these commodities has been very low indeed, amounting to about 30 eggs and 5 lbs. of poultry meat a year respectively. With the setting up of this station, research into the greater egg laying capacity of local birds and their rapid growth to marketable weight will be the main concern of the Veterinary Division.

The Cattle Breeding Scheme in Pahang is also a continuation project and was first started in 1956. However, due to lack of fund the annual sum of \$60,000 for 1958 and 1959 was not made available and the scheme was disrupted during those years. Nevertheless the scheme, after the initial teething trouble in the early years of 1956, has brought about the anticipated response by the people as the benefits that accrued from it continued to be felt and many a padi planter has become the proud owner of animals which his forefathers could not own and which his children will henceforth reap considerable profit from. The House will be glad to know, Sir, that the interest in buffalo breeding has been stimulated among the ra'ayats in Pahang and this provision has been made because of pressure from those other people who have seen the results of the scheme and who are hoping that they shall not be forgotten in the years to come.

Together with the encouragement of cattle breeding and poultry rearing must go the programme to train Veterinary Assistants in basic and elementary veterinary and animal husbandry to better equip them with the knowledge of animal husbandry. To provide accommodation for such

a training Students' Hostels are being constructed. The one in Ipoh is almost completed while the one at Kluang will be completed next year. The need for these hostels has long been felt and the completion of these hostels would greatly help to place better trained officers for extension work in rural areas. Furthermore several students from Sarawak and Brunei have availed themselves of the training that the Veterinary Division can offer and the establishment of these hostels might facilitate to continued assistance to these neighbouring countries.

Pasteurizing, Sterilizing and Cooling Plants.—As a result of the selective breeding programme at the Central Animal Husbandry Station, Kluang, the production of fresh liquid milk has increased considerably and in order to enable this highly perishable good to be dispatched to distant towns, it is most desirable the keeping quality be improved. For this purpose pasteurizing, cooling and sterilizing equipment are most essential if the standard of milk sold is to remain of a high quality and in accordance with public health requirements.

FISHERIES DIVISION.

Honourable Members will recollect that in presenting the Ordinary Estimates of the Fisheries Division for 1961, I mentioned some of the development activities scheduled for the coming year.

I am a firm believer that the provision of adequate training facilities is basic to the development of any industry. In view of the rapid developments in mechanisation of fishing craft and gear technology that have been taking place over the past years, Government has set up two fishermen training schools, one at Penang and the other at Kuala Trengganu. Basic training in navigation, engine maintenance and fishing techniques will be provided to young and enterprising fishermen. A sum of \$103,605 which represents the balance of the 1960 provision under this item, has been provided for the school at Penang in 1961 to meet the cost of new quarters

and additional equipment for the trainees. In Kuala Trengganu the main buildings of the school, hostel and staff quarters have been completed. The sum of \$50,000 which remains from the original allocation of \$150,000 for the school, has been requested.

Next comes the item on Regional Fry Breeding and Distribution Scheme, Kuala Kangsar, a sum of \$10,000 which is the balance from the original 1960 allocation of \$40,798 is to be utilised in 1961 to complete the piping and other subsidiary work at the station. I am confident that this station together with the others that are to be set up in various parts of the country in the course of the next few years, will enable the Division to cope with the rapid expansion in the acreage of ponds and disused mining pools used for fish-cultivation. These stations will no doubt play a more significant part in rural development as our programme for stocking of mining pools, rivers and swamps gains momentum.

Modification to the Fish Marketing Centre Kuala Trengganu, is the next item in the Division's Provisional Estimates to which I would like to draw the attention of Honourable Members. A sum of \$30,000 was allocated in 1960 for re-organising and improving fish handling facilities at Kuala Trengganu, as part of the scheme to set up centralised landing points where collection, auctioning and distribution of fish can be undertaken more efficiently. Of the total allocated, it is estimated that about \$10,000 would have been spent by the end of 1960, and the balance of \$20,000 has been requested in 1961 to complete the project.

Lastly, I wish to touch on the construction of new offices and quarters in Kuala Kurau and Kuala Perlis to cope with the expanding activities of the Division. In 1960 \$65,000 was approved for the above scheme, and it is expected that \$27,000 would have been spent by the end of the year. Work at Kuala Kurau is nearing completion, and the balance

of \$38,000 is therefore required in 1961. (*Applause*).

Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungei Patani): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya di atas perkara Head 132 ia itu sub-head 55—Muda River Investigation, Kedah peruntokannya sa-banyak \$300,000. Saya nampak ranchangan ini ada-lah ranchangan baharu yang dalam peruntokan-nya \$500,000 bagi tahun 1960 dan bagi tahun 1961 \$300,000. Saya minta-lah kepada Bapak Menteri jelaskan kerana Muda River ini ia-lah satu sungai yang habis panjang sa-kali dalam negeri Kedah. Jadi, saya hendak tahu sa-takat mana Muda River ini yang hendak dibuat. Kerana saya telah minta di-buatkan satu pam menggunakan Muda River di-Bumbong Lima supaya di-beri ayer di-mukim² di-bawah-nya. Saya hendak bertanya ada-kah hendak di-buat pam di-Bumbong Lima-kah, di-Pinang Tunggal-kah, Sidam-kah atau lagi di atas sadikit di-Jenjang-kah atau ka-Nami-kah atau terus ka-Siam-kah. Sunggoh pun hari itu saya telah shor-kan supaya di-buat sekian² batu dan di-harap-lah kapada Bapak Menteri kalau boleh, saya minta buatkan di atas sadikit ia itu di-Sidam Kiri. Kawasan² ini jika di-buat pam di-situ, dapat-lah kita beri ayer yang banyak lagi kapada mukim² seperti mukim Sidam Kiri, Pekula, Simpor, Rantau Panjang, Kota, Haji Kudong, Sg. Pasir, Kuala dan Bukit Meriam ia itu 9 mukim. Luasnya mukim ini ia-lah 15,000 ekar. Saya perchaya kalau boleh di-buat pam supaya mereka itu boleh-lah mendapat ayer yang chukup bagi kesemua-nya mukim itu dan dapat di-buat bendang sa-tahun dua kali. Saya minta Bapak Menteri jelaskan sa-takat mana-kah yang hendak di-buat itu.

Yang kedua, Head 130 ia itu sub-head 12 Padi Breeding and Selection. Tadi, saya telah dengar Bapak Menteri hendak buat bendang ia itu di-Station Telok Chengai Kedah. Peruntukan \$29,000 ini, bagi pehak saya nampak sadikit sangat kerana perkara Padi Breeding and Selection ia-lah satu perkara yang besar sa-kali kerana hendak menchari bahan padi yang baik. Sebab dengan jalan ini-lah Bapak Menteri kita dapat memberi padi 'ajaib'. Oleh

itu, saya nampak peruntukan itu sadikit sangat tetapi sunggoh pun bagitu saya hendak bertanya dengan ringkas sa-takat mana-kah yang telah di-buat atau di-jalankan Breeding and Selection dan berapa ribu-kah mata padi telah di-pileh sama dengan pakai hybrid atau sama ada pakai benih padi sendiri supaya dapat-lah saya tahu lebuh lanjut lagi. Dan sa-kira-nya ada yang Bapak Menteri kata itu padi

Mr. Speaker: Kalimah "Bapak Menteri" ini, saya ta' tahu-lah sama ada boleh di-pakai atau tidak dalam Parlimen ini. Saya fikir lebuh baik sebutkan sahaja Menteri berkenaan atau Yang Berhormat Menteri daripada di-sebutkan "Bapak Menteri," "Bapak Menteri," susah sadikit sebab kita hendak masukkan dalam Hansard.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Saya minta potongkan-lah perkataan itu dalam Hansard (*Ketawa*). Jadi, yang di-katakan pada hari itu ada membawa hasil yang banyak—sa-ribu gantang pada satu ekar ada-kah telah di-chuba tempat² ini dan berapa lama sudah di-chuba.

Yang kedua, saya telah membacha dalam akhbar kata-nya, di-Itali Utara ada satu jenis padi yang banyak mengeluarkan hasil. Tuan Yang di-Pertua, barangkali baharu² ini kita sudah tengok gambar yang bernama "Bitter Rice", konon-nya film "Bitter Rice" ini telah di-buat di-Itali Utara di-mana padi yang elok tumboh dan orang² di-sana bertanam padi sama-lah juga dengan orang kita di-sini pakai tangan. Saya ta' tahu sama ada betul atau ta' betul saya harap Bapak Menteri

Mr. Speaker: Tolong-lah perkataan "Bapak Menteri" itu jangan di-gunakan lagi.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Kalau betul ada bagitu, saya minta Menteri yang berkenaan tolong-lah berunding dengan Kerajaan Itali supaya dapat benih padi itu dan dibawa ka-Tanah Melayu ini supaya kita tanam padi itu di-sini sama ada elok atau tidak-nya. Jika kurang elok barangkali boleh-lah expert² kita di-sini mengambil hybrid padi itu dengan

padi tempatan barangkali boleh kita dapat satu jenis padi yang lebuh baik daripada padi 'ajaib.

Yang ketiga, Head 135 sub-head 5—Federal Poultry Breeding Station, peruntukan-nya sa-banyak \$162,000. Dalam poultry ini, saya tahu dasar Kerajaan ada-lah hendak mengupgradekan ayam² kita dengan ayam² yang elok dari luar negeri. Jadi, saya, sa-lain daripada itu hendak mengeshorkan kapada Menteri ini ia-itu ayam yang ada di-Tanah Melayu ini saya tengok elok kita biakkan ia-itu ayam yang dipanggil Canton Hen yang datang dari-pada negeri China. Ayam ini badannya lebuh besar daripada ayam kita; telor-nya itu saya ta' tahu-lah sama ada kecil atau besar. Jadi, saya shor-kan ayam ini patut-lah di-pileh baka² yang baik untuk di-berikan kapada orang² kampung kita sendiri di-peli-hara sa-bagai table bird ini.

Satu lagi perkara yang hendak saya bertanya kapada Kementerian ini, di-tempat saya sekarang ini ada orang memelihara ayam—pure breed dari luar negeri dengan chara beteri. Saya hendak tahu ada-kah Kementerian ini menggalakkan orang² kampung kita memelihara ayam² itu dengan chara beteri sistem. Atau pun bagaimana-kah Kerajaan sekarang menggalakkan orang² pelihara ayam pure breed. Ini-lah sahaja, saya harap dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, perkara "Pak dan Dato' Menteri" itu tidak patut disebokkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebab kalau banyak di-ubah "title" Menteri itu saperti "Pak dan Dato' Menteri", saya rasa Menteri itu terasa juga

Mr. Speaker: Saya sudah tegor, chukup-lah.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Saya hendak berchakap pada Sub-head 14. Development of Fishing dan sa-bagai-nya. Saya berharap Menteri Yang Berhormat dapat me-mikirkan dalam Estimates yang akan datang ia-itu mengadakan provision untuk menolong nelayan² di-sabelah Bachok berkenaan dengan Kuala Temasin yang telah saya ma'alumkan

kapada-nya, sebab dalam Estimates ini tidak ada peruntukan-nya. Saya harap benar dapat di-adakan sa-suatu yang dapat merengangkan kesusahan nelayan di-sana dalam hal ini dalam ranchangan pembangunan lima tahun yang akan datang.

Sekarang saya hendak berchakap berhubong dengan Federal Poultry Breeding Station. Ada keperchayaan dan pandangan pada masa yang lalu yang mengatakan ayam² di-sabelah pantai timor kecil. Saya harap Federal Poultry Breeding Station berikhtiar mengadakan satu jalan supaya dapat ayam² di-sana itu dibesarkan dengan menghantar cross-breeding dan sa-bagai-nya, dengan demikian dapat-lah orang kampong menjual ayam-nya dengan harga yang lebeh mahal—ini perkara kecil. Saya ada tiga perkara yang saya hendak tanya Menteri Yang Berhormat ia-itu Sub-head² 54, 55 dan 56. Apa-kah gerangan-nya sub-head² ini tidak bersentuh perbelanjaan-nya hingga tidak ada nampak sadikit kemajuan pun dalam perbelanjaan ini, apa-kah halangan yang di-hadapi oleh Menteri dalam hal ini? Biasa-nya apabila Estimates di-buat tentu-lah ada pandangan kita, dan apabila tidak di-buat langsung, itu-lah yang menyebabkan saya terpaksa bertanya.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, the words of the Minister, that there should be officials who appreciate and understand the people's problems, are most timely words, and I hope that they will be noted throughout the length and breadth of this country, because appreciation and understanding of the people's problems is what we most require today.

Sir, sub-head 35, page 23, and sub-head 46, (iv) and (x), page 24—sub-head 35 deals with the Tanjong Karang Extension, under Drainage and Irrigation, and sub-head 46 with extensions to drains, Panchang Bedina, Rectification of Sungai Tengi, Improvements to Drainage in Kampong Belt. These deal with improvements in Selangor—Drainage and Irrigation Scheme for the State. Now, Sir, near Tanjong Karang and near Panchang

Bedina, there is a kampong called Kampong Sireh and people living there have a shortage of irrigation. They have been living in that place for the last 14 or 15 years and they have applied to the Government to have their fields irrigated. After making three or four applications to the District Office in Kuala Selangor, they have not received any reply. On the 15th October, they went and did what the Minister would call co-operative work in irrigating their fields. It was a harmless undertaking, which should actually have been done by the Government to help these people, because without irrigation their very existence is threatened. But not appreciating what the Minister has in mind when he says that officials should appreciate and understand the people's problems, when these people went to irrigate their fields their headman was arrested. Their headman was called Enche' Hamid bin Tuah.

Sir, it is most unfortunate that when there are people in our country who carry out their own irrigation, due to a total lack of appreciation and understanding of their problem, the Government instead of helping them should turn upon them for having asked for help from the Government. Sir, the duty of the Government is to help the people and not to oppress them. I understand that the Minister himself had visited this kampong and he was satisfied that it is padi land as defined by law—in this particular case, Sir, I should make it clear that this is padi land as has been accepted by the Minister in one of his statements to Parliament. It is wrong for anyone to allege that these people had just opened up that land on the 15th October when they went to irrigate their fields. It is wrong to charge them for having opened up that land, which was opened up 15 years ago. Mr. Speaker, Sir, this is a very serious matter and I would urge upon the Government to look into this problem, into the treatment accorded to these people, into the arrest of their leader and see that such a case does not occur in future. Again, Sir, we would urge that the Minister's words—the Minister is a very hardworking

Minister and he is trying to do his best for the people—be borne in mind by his officials, and in the term officials I include not only members of the civil service but also elected representatives of the people.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star): Mr. Speaker, Sir, I rise to thank the Honourable Minister for allocating \$1,000,000 for Improvement, Wan Mat Saman Scheme and another \$500,000 for the Muda River Investigation. When I stand up I hope the Minister is not under the impression that there is no end to my greediness and that I am asking for more. However, I would like to quote a verse which I learnt when I was a child—it goes like this :

"Work while you work, play while you play. That is the way to be happy, I say. All that you do, do with your might. Things done by halves are never done right. One thing at a time and that done well. It's a very good rule as many can tell." (Laughter).

Lastly, I would say that if the schemes come to a successful conclusion, instead of the Minister giving me a dinner here in Kuala Lumpur, I am sure that whenever he goes to Kedah every farmer will welcome him and everyone will give him a dinner. Thank you.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani berkenaan dengan Muda River Investigation, Kedah. Wang telah di-untokkan bagi menjalankan penyiasatan daripada bulan January hadapan hingga akhir tahun hadapan. Dan kawasan² atau tempat² yang akan di-adakan penyiasatan itu ia-lah hulu Nami di-mana kawasan ayer akan ditakong di-Sungai Padang Terap. Berkenaan dengan padi yang di-tanya oleh ahli Yang Berhormat yang berulang kali itu, saya sudah jawab, tetapi ia tidak ada di-Dewan ini. Walau pun bagitu, saya jawab sa-kali lagi. Ada-lah penyiasatan padi 'ajaib yang di-katakan itu telah berjalan 8 tahun, tetapi penyiasatan itu belum habis lagi di-jalankan, satu dua tahun lagi baharu-lah kita dapat keterangan padi kachokan yang sesuai di-tanam di-seluroh negeri ini. Dan sekarang

ini sudah di-tanam sa-bagai per-chubaan di-seluroh negeri ini sa-lama dua tahun, jika sesuai itu-lah padi 'ajaib yang sa-benar-nya yang boleh mengeluarkan padi satu ekar 1,000 gantang. Sudah 8 tahun penyiasatan di-jalankan, saya fikir dalam masa satu dua tahun lagi baharu-lah kita mendapat keputusan yang sa-benar-nya.

Berkenaan dengan padi Italy, memang ada dan memang mashor dalam dunia ini. Di-Italy Utara

Mr. Speaker: Jangan-lah gunakan telor lain apabila berchakap (*Ketawa*).

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Kalau saya tidak berchakap dengan Yang Berhormat itu dengan telor Utara dia tidak erti (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Gunakan-lah perchakapan biasa sahaja (*Ketawa*).

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah melawat Italy dalam bulan October yang sudah di-mana saya sendiri melihat dengan mata kepala saya sendiri chara menanam padi di-kawasan Milano. Di-sana, sunggoh pun di-katakan kawasan yang mendapat hasil padi yang banyak tetapi bukan-lah beneh itu sesuai untuk di-tanamkan dalam negeri ini.

Berkenaan dengan ayam, memang kita sudah menjalankan penyiasatan sa-lama 5 tahun di-kawasan Johore Bahru ya'ani dalam kawasan penyiasatan Kerajaan Johore, di-mana ayam² itu di-siasat baka ayam negeri ini sendiri termasuk baka Centon yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari-pada Sungai Patani tadi, yang mana kalau baka Centon itu dahulu dapat mengeluarkan 80 biji sampai 100 biji sahaja sa-tahun tetapi sekarang kita boleh dapat 180 sampai 200 biji. Saperti yang saya telah terangkan pada tempoh hari; pada masa itu Yang Berhormat itu tidak ada di-Majlis ini, ia-itu baka ayam itu akan di-sambongkan—akan di-pelihara di-dalam kawasan Federal saperti yang saya sebutkan tadi dalam peruntukan wang di-minta luluskan, di-mana baka itu kita boleh hantar ka-seluroh negeri untuk di-jadikan satu baka ayam bagi

Persekutuan Tanah Melayu ini. Dan dengan itu tidak payah-lah kita pelihara ayam dari luar negeri seperti leg horn atau sa-bagai-nya tetapi baka² ini akan di-adakan standard—sa-rupa dengan Kelantan, Trengganu dan Pahang telor-nya semua sama besarnya. (*Ketawa*).

Dato' Onn bin Ja'afar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri ini benarkan saya berchakap, saya minta jelaskan sadikit. Ada-kah Menteri Yang Berhormat itu berchakap bahasa Melayu kolot? Utara pun bukan, Selatan pun bukan.

Mr. Speaker: Itu-lah perchakapan yang biasa dia gunakan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Bachok atas bantuan untuk kemajuan pelabuhan dan sa-bagai-nya. Memang wang ini akan di-untokkan dalam Ranchangan Lima Tahun. Soal ayam, sudah saya jawab tadi.

In reply to the Honourable Member for Damansara, the Panchang Bedina Pumping Scheme will be carried out next year and will be continued in the Five-Year Development Plan. On the question of the shortage of water in certain areas at Tanjung Karang and where the people had the initiative to get water themselves, I am afraid they had no business to do that. Actually, Sir, the area concerned was not a padi area but a kampong area and the people concerned were told not to plant padi on that land, but they insisted on doing it, so much so that they had to break up the bund in order to get water from the irrigation canal to the area which was not meant for padi. The early history of the area, of course, is no concern of this Ministry. That is about all.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, kapada Yang Berhormat Menteri itu ada sadikit pertanyaan saya yang belum di-jawab lagi ia-itu berkenaan sub-head 54, 55 dan 56 dalam Head 132 dan Head 135 sub-head 8. Jadi, saya hendak menumpang bertanya, ranchangan yang besar

ini tidak pun di-jalankan langsung apakah gerangan sebab²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri Yang Berhormat itu hendak saya mengeluarkan Notice, ta' apa-lah.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Ranchangan baru belum di-jalankan lagi.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Dahulu sudah di-estimatekan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Sunggoh pun telah di-estimatekan tetapi penyiasatan belum di-sediakan lagi.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Alor Stat yang menguchapkan terima kaseh tadi tetapi terima kaseh-lah kalau ada pak² tanu hendak bagi saya makan, saya fikir, saya tidak terima-lah (*Ketawa*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$9,597,734 for Heads 130 to 135 agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Heads 136-140 and Heads 142 and 144—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr. Speaker, Sir, I would like to introduce the various Heads listed—136 to 140 and 142 and 144—for the sanction of this House. The various items have been listed in fair details and I do not think the House would like me to weary them with a further exposition on these particulars. I would, however, wish to mention only one item—that is, under Head 140, Public Works Plant, item 7 "Plant for Rural Development programme, 1961-1965, \$5,000,000". Some Honourable Members may wonder why, with the \$6 million odd not spent from last year's vote, a further \$5 million should be asked. This is because of the time lag in the supply of the plant ordered for, and we feel that this amount, if sanctioned now, would permit us to place an order for further plant, and this may take many months to come—six to eight months to come. That is about all, Sir.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berkenaan dengan Improvements to Federal Roads and Bridges

saperti yang di-sebutkan dalam Sub-head 8. Saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat langkah² mengelokkan jalan dan jambatan, terutama di-negeri Trengganu saya perhatikan, negeri lain nampaknya baik. Di-Trengganu kerja yang di-buat oleh Kementerian ini dalam masa 7-8 bulan yang lalu amat-lah giat dan pekerjaan itu di-jalankan dengan penoh hasrat, dan banyak-lah jambatan² yang kecil yang telah di-betulkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, patut juga Kerajaan menimbaangkan ia-itu daripada membetulkan 10 jambatan kecil yang maseh boleh di-pakai untok sa-tahun dua, apa-lah salah agaknya, kalau kita chuba membuat dua atau tiga jambatan besar yang pada masa ini di-jalani dengan chara ferry. Saya tidak bermaksud supaya membuat jambatan saperti Dungun, Paka, Kemaman atau Kuala Trengganu, sebab empat tempat ini ada-lah amat besar, dan tentu-lah memakan belanja yang amat banyak dalam erti kata Sub-head 8 ini, tetapi kalau umpama-nya di-utara Kuala Trengganu dengan Kuantan maseh banyak kita dapatti ferry yang kadang² jauh-nya lebeh kurang satu jam menggunakan ferry itu. Kerajaan membaiki jambatan yang saya rasa boleh tahan sa-tahun lagi. Jadi kalau kita gunakan pada tahun hadapan bagi empat lima jambatan yang boleh tahan kita peruntokkan, lebeh baik membaiki satu dua ferry yang kecil itu di-ganti dengan jambatan yang kecil supaya perjalanan boleh chepat sadikit. Sebab kalau banyak di-buat jambatan kecil, ia hanya membolehkan laju sadikit dan memberi kesenangan. Hal ini saya minta Menteri Yang Berhormat menimbaangkan kemungkinan membuat arrangement berkenaan dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Telephone Call Offices in Rural Areas and Automatic Telephone Exchanges in remote Rural Areas saperti yang di-sebutkan dalam Sub-head 54 dan 55. Kita harap dalam pelaksanaan-nya di-percepatkan, sebab ini-lah satu perkara yang sangat mustahak bagi kemajuan kehidupan ra'ayat di-kampong², dan saya fikir ini tentu-lah dapat di-sesuaikan dengan ranchangan

hendak mengadakan telipon di-tempat² yang tertentu itu. Jangan-lah Kementerian ini menjadikan satu hujah umpama-nya oleh kerana tempat itu jauh, kadang² di-pisahkan oleh sungai dan lain² belanja-nya agak lebeh sadikit, maka terpaksa Kementerian berhentikan ranchangan ini. Saya harap makin jauh dan makin susah berjalan ka-tempat itu, lagi-lah makin mustahak di-adakan talipon di-tempat itu.

Wan Yahya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap pada Sub-head 8—Improvement to Federal Roads and Bridges dan Sub-head 9—Reconstruction of East Coast Roads, Kota Bharu to Kuantan, saya hanya menyambong perchakapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi. Saya hendak bertanya berhubong dengan bayaran ferry di-seluroh negeri Trengganu ia-itu mulai daripada pukul 10 malam hingga 6 pagi di-kenakan bayaran \$5.00 satu kereta. Saya tidak tahu kenapa di-Trengganu di-kenakan bayaran saperti itu, pada hal ferry di-negeri Pahang tidak di-kenakan apa² bayaran. Saya minta Menteri Yang Berhormat memberi penjelasan. Di-Trengganu sa-lain daripada ferry-nya banyak dan bayaran di-kenakan \$5.00 pada sa-buah kereta, perjalanan-nya lambat pula—sudah jatoh di-timpa tangga. Saya tidak tahu kenapa-kah keadaan-nya sa-hingga ini tidak berubah, pada hal perkara ini saya pernah bangkitkan dalam Majlis Meshuarat Undangan 4 tahun yang lalu, tetapi keadaan-nya sa-hingga hari ini sa-rupa.

Dato' Onn bin Ja'afar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong apa yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi berkenaan dengan ferry di-negeri Trengganu, ia-itu tidak-kah dapat Kementerian ini menguntokkan perbelanjaan untok membuat jambatan di-Bukit Kuang dan Marang yang mana sungai itu bukan lebar untok di-buat jambatan? Berkenaan dengan bayaran ferry \$5.00 yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di-sabelah sana tadi, saya rasa perkara itu tidak menjadi apa², sa-kadarkan cherewet ia-itu ferry itu lambat perjalanan-nya, dan keadaan ferry itu

kurang baik, kerap kali kereta yang naik ferry itu pecah exhaust-nya. Maka tidak-kah dapat ferry itu di-baiki supaya jangan merosakkan kereta? Dan juga perjalanan ferry itu di-baiki ia-itu terbuka 24 jam sa-hari dengan menggaji orang yang tetap bagi menjalankan ferry itu, kerana negeri Trengganu itu banyak ikan dan buah²an, maka ada-lah menjadi kesukaran kapada ahli² perniagaan hendak membawa ikan dan buah²an itu seperti ka-Kuala Lumpur, Ipoh, Seremban atau pun ka-Singapura, sebab perjalanan ferry itu sukar.

Sa-perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan, tetapi saya bingong sadikit memikirkan di-bawah Head mana saya hendak chakapkan perkara itu, barangkali pada Head 137. Sub-head 8—Improvement to Federal Roads and Bridges, saya faham itu pun “out of order”—di-negeri Kelantan pada hari ini barang² yang di-bawa masok ka-negeri Kelantan itu ada-lah di-punggah daripada kereta api di-Kuala Krai; Kuala Krai itu lebuh kurang 46 batu jauh-nya daripada Kota Bharu sendiri, maka hal ini menjadi kesusahan dan keberatan kapada ahli² perniagaan. Bukan-kah lebuh baik sa-kira-nya Kerajaan Perikatan mengutukkan wang untok membangunkan sa-buah jambatan di-Pasir Mas.

Sa-tahu saya sa-belum Pilehan Raya tahun 1959, segala kerja² berkenaan dengan membangunkan sa-buah jambatan di-Pasir Mas itu sudah pun siap, sa-kadarkan menunggu untok menchari sa-buah rumah Resident Engineer baharu hendak di-jalankan kerja itu. Tetapi pada tahun itu dengan malang-nya, Kerajaan Perikatan gugor—jatoh, maka apabila Kerajaan Perikatan jatoh, peruntukan itu ghaib, sama ada di-pindahkan atau di-tahan, saya tidak tahu. Tetapi, pada fikiran saya membangunkan sa-buah jambatan di-Pasir Mas itu ada-lah satu perkara yang mustahak, kerana akan mendekatkan barang² yang di-punggah daripada kereta api yang di-bawa 46 batu jauh-nya itu tinggal 12 batu sahaja. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian ini supaya memberi pandangan yang lebuh berat untok mengadakan jambatan di-Pasir Mas itu, sambil Kerajaan Perikatan mengambil jalan

raya daripada Pasir Mas ka-Kota Bharu itu di-jadikan Federal Road supaya dapat di-lebar dan di-baiki dan dapat di-gunakan oleh lori² dengan lebuh senang daripada yang ada pada hari ini.

Enche' Ahmad bin Mohamed Shah (Johore Bahru Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Head 136 sub-head 28. Pada masa Dewan ini membahathkan Development Estimates bagi tahun 1960 ini, di-sini ada satu peruntukan kerana bangunan Post Office Johor Bahru dan saya bangun di-sini menguchapkan terima kaseh. Walau pun bagitu, sa-hingga hari ini Post Office itu belum nampak tanda²-nya hendak di-bangunkan dan pada hari ini peruntukan itu di-bawa di-sini bagi tahun 1961 dan saya harap pada Menteri yang berkenaan supaya Post Office Johor Bahru yang ada di-dalam tahun 1961 ini dapat di-dirikan.

Enche' Seah Teng Ngiau (Muar Pantai): Mr. Speaker, Sir. I would like to speak on Head 137, Sub-head 14. We have \$27,500,000 to be spent, under this Sub-head, on roads and bridges. I would like to ask the Honourable Minister concerned to allot funds for the construction of a bridge over the Muar River. Sir, this matter of bridge construction has been a long burning question, and in view of its importance, I have always been asked by people as to when a bridge is to be constructed. This matter has been brought in this House quite often, and I was told that the Muar bridge has not been included in the Second Five Year Development Plan. Sir, I have been asked by the Johore Government to bring up this matter again for the attention of the Honourable Minister of Works. The Johore Government had, in fact, made a proposal to the Federal Government during the month of February this year regarding the construction of bridges over Batu Pahat and Muar Rivers, and also a letter to this effect was put up by the State Secretary of Johore to the Ministry of Works some time in October this year to which the Ministry replied that the matter was

receiving active consideration of the Federal Government.

In view of this fact, Sir, I would appeal to the Minister concerned to give his utmost consideration towards the proposal, and I hope that the Muar bridge will be included in the Second Five Year Development Plan. Thank you.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pendek sahaja oleh sebab masa-nya sudah terlambat. Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Menteri yang berkenaan ini tetapi saya perchaya apabila di-luluskan sahaja perbelanjaan ini maka bertambah² lagi faedah-nya kapada ra'ayat Persekutuan ini. Saya berchakap berkenaan dengan Kepala 138 ia-itu sub-head 30 sampai 49, kesemua-nya berkenaan dengan Water Supply. Tuan Yang di-Pertua, Water Supply ini saya suka-lah merangkkan dalam Dewan ini ia-itu apabila di-bahathkan perbelanjaan dalam tahun 1960 dahulu ada juga sahabat saya daripada Kulim telah berchakap dan meminta di-baiki Water Supply yang ada dalam kawasan Kulim sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dan Menteri pun tahu yang beliau sendiri pun biasa minum ayer di-Kulim. Di-Kulim dua bulan lagi, saya ingat susah-lah orang di-sana hendak dapat ayer minum yang sem-purna kerana ayer-nya apabila di-buka paip itu, keluar-lah anak² ikan sa-kali. Jadi, ini-lah saya berharap kapada Kementerian ini sa-berapa boleh-nya adakan-lah dengan segera atau buat-lah macham mana sa-kali pun asalkan menchukupi ayer di-bandar Kulim.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-muka 27 sub-head 14. Sunggoh pun baharu² ini wakil daripada Kuala Trengganu Selatan telah berchakap berkenaan jambatan Pasir ... an pernah juga di-bangkitkan beberapa kali dahulu oleh wakil² pehak di-sini. Maka saya suka-lah mengulangkan ia-itu mustahak-lah bagi pehak Kerajaan dapat menimbaikan bagi mengadakan jambatan Pasir Mas itu. Kerana kesusahan

yang di-rasai oleh ra'ayat di-sana termasok-lah ahli² perniagaan yang hendak membawa barang² ka-Pasir Mas dan barang² yang di-hantar ka-Kota Bharu dan Tumpat.

Masa ini perkhidmatan Ferry² yang susah sakali di-Pantai Timor ia-lah di-Pasir Mas kerana apabila musim kemarau kadang² ferry itu berjalan mengambil masa satu jam daripada pangkal sa-hingga ka-hujong-nya. Kadang² orang² yang hendak pergi ka-Pasir Mas atau hendak pergi ka-Kota Bharu akan mengambil masa tiga empat jam untuk menunggu ferry. Ini telah di-rasai oleh ra'ayat di-sana kerana waktu hendak melalui ferry Pasir Mas itu. Di-sana juga ada menggunakan dua ferry dan ada kala-nya apabila satu ferry rosak maka terpaksa-lah di-gunakan hanya satu ferry sahaja. Dengan memakai satu ferry inilah akan menjadi kesulitan kapada orang² yang menggunakan kereta. Saya harap pehak Kerajaan akan dapat menimbaikan kesulitan ra'ayat² di-Pasir Mas ini.

Dan sa-lain daripada itu sementara Kerajaan belum membuat jambatan itu atau pun ranchangan-nya belum siap lagi maka molek-lah perkhidmatan ferry² yang ada pada hari ini yang di-jalankan oleh chara contract dapat di-perbaiki. Nampaknya perkhidmatan ferry di-Pasir Mas ini selalu tergendala di-sebabkan musim kemarau dan kadang² sa-kira-nya satu ferry rosak tidak-lah dapat berjalan dengan lancar-nya. Atau pun Kerajaan dapat menimbaikan sa-kira-nya perkhidmatan ferry ini di-jalankan oleh P.W.D. sendiri sa-bagaimana perkhidmatan ferry di-Trengganu supaya perkhidmatan ini dapat memuaskan hati orang ramai.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Rural Mobile Post Offices. Perkara ini sangat mustahak di-tempat yang tidak ada pejabat pos, dan kalau ada pun hanya menchukupi bagi daerah yang berdekatan. Di-Tanah Merah, Tuan Yang di-Pertua, bangunan pejabat pos ini tidak ada, yang ada ia-lah satu bilek menompang di-dalam bangunan Pegawai Daerah, bilek kecil ini saya

rasa patut-lah mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan. Tetapi yang penting bagi saya ia-lah supaya menolong surat² yang sampai ka-Tanah Merah di-sampaikan dengan kereta yang seperti ini ka-kampong². Sebab ada satu tempat di-Tanah Merah ia-itu Batu Melintang yang jauhnya 40 batu daripada Tanah Merah, kalau kita hendak menghantar surat ka-sana memakan masa sampai 15 hari dengan meminta tolong daripada Penggawa ia-itu Penghulu kata orang di-sabelah sini yang pergi ka-Tanah Merah sa-minggu sa-kali; kadang² oleh sebab surat itu banyak ada yang hilang dan surat itu tidak sampai. Pernah berlaku satu kejadian kapada orang yang membuka tanah haram ia-itu Kerajaan telah menghantar notis supaya ia keluar daripada tanah haram itu dan notis itu di-kirim melalui pos, tetapi sayang-nya surat itu tidak sampai kepada orang itu, walau pun sampai pada masa ia di-panggil ka-Mahkamah. Jadi semua-nya ini ia-lah oleh kerana kekurangan yang saya sebutkan tadi.

